

26 NOV 1999

MAHATHIR KATA BELIAU MAMPU TERUSKAN KEMPEN PILIHAN RAYA

KUALA TERENGGANU, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau baru sahaja sembuh daripada selesama dan kehendak Allah, beliau boleh meneruskan kempen pilihan raya hingga pilihan raya selesai.

"Saya sudah pulih dan insyallah, saya boleh meneruskannya hingga pilihan raya selesai," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah pembesaran projek Lapangan terbang Sultan Mahmud di sini.

Perdana Menteri dijadual merasmikan majlis itu semalam tetapi menangguhkannya kerana keadaan kesihatan beliau.

Ditanya mengenai kesihatannya, Dr Mahathir yang berpakaian baju Melayu berkata beliau telah dinasihati oleh doktornya supaya mengambil rehat sehari.

"Kempen itu serta membuat ucapan tidak baik untuk saya dan semalam doktor menasihati saya supaya mengambil rehat sehari. Saya sudah berehat dan hari ini saya kembali semula," katanya.

Dr Mahathir adalah dalam rangka berkempen sehari di negeri-negeri Pantai Timur di Terengganu dan Kelantan.

-- BERNAMA

ARA LAT